

KAEDAH ASUHAN IBU BAPA

Azizi Yahaya & Muhamad Jumat Aliju

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Artikel ini membincangkan tentang kaedah asuhan ibu bapa yang mempengaruhi tingkah laku negatif di kalangan remaja. Kaedah asuhan ibu bapa memainkan peranan dalam mewujudkan gaya asuhan yang berwibawa di kalangan anak-anak. Oleh itu, artikel ini akan membentangkan tentang kaedah asuhan ibu bapa terhadap anak-anak.

Katakunci : kaedah asuhan ibu bapa

Pengenalan

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan gaya asuhan yang berwibawa dikalangan anak-anak. Anak-anak amat memerlukan perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapanya. Ibu bapa perlu mengamalkan gaya asuhan yang sewajarnya kepada anak-anak mereka. Habibah Alias dalam hasil penyelidikannya menunjukkan remaja mahukan gaya suhan yang sewajamnya supaya membentuk personaliti yang baik.

Kaedah Asuhan Ibu Bapa

Mohd. Amin, H. A. Shariff (1993) telah mengolonggokan gaya didikan anak kepada 4 bentuk iaitu autokratik, permisif dan liberal, autokratik tetapi demokratik, dan tidak menentu. Cara autokratik bermaksud memberi arahan, permisif dan liberal bermaksud bebas dan sesuka hati. Cara autokratik tetapi demokratik bermaksud ketegasan dalam kawalan tetapi dengan cara bermusyawarah berunding dan berkompromi dan akhirnya cara tidak menentu bermaksud bebas dan tidak terikat.

Mat Saat Baki (1985) berpendapat gaya asuhan ibu bapa dibahagikan kepada tiga. Cara gaya tradisional, cara gaya permisif dan cara gaya berkesan cara gaya asuhan tradisional adalah berdasarkan prinsip-prinsip dimana anak-anak mesti diajar supaya mematuhi segala perintah ibu bapa dan kepatuhan ini dianggap amat penting dalam menentukan kejayaan dan kebahagian hidup anak-anak itu pada masa hadapan.cara gaya permisif pula mengutamakan pendidikan anak yang lebih adil, terbuka dan bebas dan dianggapkan lebih demokratik. Cara gaya berkesan dianggap sebagai cara gaya pertengahan dan sederhana dimana ia tidak keterlaluan kepada mana-mana cara, samaada secara autokratik ataupun permisif. Tambahan pula beliau menganggap bahawa cara gaya asuhan ini sesuai dengan kebanyakan personaliti ibu bapa.

Isa Selamat (1996) menyatakan jika anak dibesarkan dengan cemuhan dia akan belajar rendah diri. Jika anak dibesarkan dengan kerjasama dia akan belajar menahan diri. Jika anak dibesarkan dengan motivasi dia akan belajar menghargai. Beliau juga mengatakan faktor lain yang mungkin menentukan jatuhnya akhlak anak-anak adalah suasana kehidupan keluarga yang tidak tenteram. Oskasmazila (2000) menyatakan bahawa amalan ibu bapa memenuhi keperluan anak dan aspek asuhan mempunyai hubungan dengan pembentukan personaliti remaja.

Mohd Rodzik (1998) keputusan menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa mempengaruhi personaliti pelajar tetapi terdapat juga faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi ke arah pembentukkan personaliti dikalangan remaja.

Berdasarkan kerja-kerja Schaefer dan Bell (1959) dalam menilai setakat mana ibu bapa mempunyai sikap seperti menyokong, manghalang, adil, bertolak ansur dan sebagainya. Dapatkan kajian itu menunjukkan bahawa orientasi individu pelajar ada hubungkaitnya dengan sikap yang terdapat pada ibu bapanya.

Menurut Atan Long (1982) ibu bapa yang mengamalkan pendidikan demokrasi ialah seseorang anak diterima sebagai seorang manusia ia diberi peluang menyuarakan pendapat, perasaan dan kehendaknya. Penyuaraannya itu didengar dan diterima oleh orang lain terutamanya orang yang penting kepada kanak-kanak itu.

Hasil kajian daripada Patmah (1995) mendapati bahawa perubahan serta perhatian yang kurang daripada ibu bapa adalah satu faktor gejala sosial ini terjadi. Beliau juga berpendapat bahawa remaja memerlukan kebijaksanaan dan rasional seseorang. Setiap aktiviti yang mereka lakukan haruslah diberi perhatian dan dorongan kearah kebaikan dan menegur mereka dengan cara yang baik dan berdiplomasi dengan itu mereka merasakan diri dihargai dan cuba melakukan sesuatu perkara itu dengan baik dan tidak melanggar batasan.

Ibu dan bapa adalah merupakan orang pertama yang disalahkan sekiranya remaja menujukkan personaliti yang tidak baik (Ann Wan Seng 1994). Ini adalah kerana mereka memainkan peranan di dalam mewamai dan menentukan anak-anak itu sama ada menjadi orang baik atau sebaliknya.

Ibu bapa yang baik ialah ibu bapa yang sentiasa peka terhadap keperluan anak mereka, baik dari segi kasih sayang, didikan agama dan keperluan harian. Cara gaya asuhan yang baik dan sempurna seperti membentuk personaliti remaja yang baik dan mereka akan berasa lebih positif terhadap diri sendiri dan akhirnya menjadi orang dewasa yang berani dan yakin pada diri sendiri.

Ibu bapa juga perlu sentiasa mengamalkan gaya asuhan yang tertentu seperti demokratik, autokratik, atau pemisif dimana perlu. Mereka juga merupakan model yang terbaik untuk anak-

anak mereka, kerana mereka lah orang yang paling hampir dengan anak-anak mereka. Segala apa yang dilakukan akan menjadi ikutan, baik tingkah laku yang baik atau elok. Golden Allport (1995) mengatakan sikap ialah satu kesediaan mental dan neuro, yang disusun melalui pengalaman, memberi pengaruh dinamik kepada gerak balas individu". Manakala Rotter mengatakan tingkah laku ialah suatu yang dapat dilihat secara terus.

Erikson (1956) mengenalpasti terdapat sejenis perhubungan yang berlaku dengan ibu bapa yang berumitkan remaja. Dalam jenis perhubungan ini ibu bapa tidak melepaskan anaknya yang seringkali campurtangan dalam hidup anaknya. Sementara yang seorang lagi bersifat pasif dan tidak mahu membuat perhubungan yang rapat dan anak-anak. Bukti-bukti klinikal menunjukkan bahawa dalam keadaan ini, kecaburan identiti mungkin amat teruk dan ia menggunakan perspektif individu tentang masa, kebolehannya melibatkan diri dalam perhubungan untuk bekerja.

Berzonsky dan Michael (1978) dalam kajiannya terhadap teori Ausubel mengenai perkembang personaliti remaja didapati bahawa peranan faktor-faktor sosial terutama sekali perhubungan keluarga dan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam usaha remaja untuk mengenali diri sendiri. Jelaslah keluarga yang dimaksudkan dalam kajian di atas ialah ibu bapa. Ini bermaksud cara gaya perhubungan ibu bapa yang mempengaruhi atau berperanan hingga kanak-kanak itu mengingat ke alam remaja lebih-lebih lagi dalam usaha remaja tu untuk mengenali dirinya. Bagaimanapun remaja mengenali dunia atau dirinya, maka dari situ lah akan terbentuknya konsep kendiri yang baru bagi remaja tersebut.

Kajian Parish (1981) serta rakan yang berkait rapat dengan Becker, Hoffinan dan Tutt merumuskan bahawa interaksi efektif amat bermakna dan berkesan dalam proses perhubungan ibu bapa dengan anak-anak. Interaksi efektif bermaksud hubungan yang mengandungi unsur-unsur perasaan seperti kasih sayang, mesra, rapat, rasa seronok dan rasa gembira.

Bandura dan Walters(1959) dalam penyelidikannya mendapati remaja yang delinkuen dan agresif adalah berasal daripada keluarga yang ibu bapa menggunakan hukuman fizikal secara berlebihan dalam menegakkan disiplin kepada anak-anak. Penemuan yang sama juga didapati oleh Heltherington dan rakan-rakan dalam kajian mereka.

Rujukan

- Mohd. Amin H.A Shariff (1988). *Perkembangan Remaja Pandangan, Pemahaman dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Saat Baki. (2004). Senarai Semak Trauma, Manual Pengurusan Trauma.Tidak diterbitkan.
- Mohd Rodzik Abd Razak. (1998). *Hubungan Gaya Didikan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.

- Atan long. (1988), *Psikologi Pendidikan*, kuala lumpur : dewan bahasa dan pustaka.
- Ann Wang Seng. 1994. *Karenah remaja hari ini*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Griffin, K. W., Botvin, G. J., Scheier, L. M., Diaz, T., & Miller, N. L. (2000).
- Erikson, E. (1963). *Childhood and Society*. New York: Norton.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Phares, V. dan Compass, B.E. (1992). *The Role of Fathers in Child and Adolescent Psychopathology: Make Room for Daddy*. Psychological Bulletin, 111(3), 387-412.